

Semak ketika penyampaian



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

TEKS UCAPAN

**YANG BERTAMBAH MUTU
YANG BERHORMAT DATO' SERI DIRAJA
DR. ZAMBRY ABD KADIR
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**6 FEBRUARI 2024 (SELASA)
11.00 PAGI
DEWAN ZA'ABA, KPT**

**Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis.

(Salutasi akan dibekalkan berasingan)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah bersyukur dapat mengadakan **Perhimpunan Bulanan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang pertama kali bagi tahun 2024.**
2. Terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) KPT yang berjaya merencana dan seterusnya menganjurkan majlis perhimpunan pagi ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran semua ke majlis ini. Semoga perhimpunan kita pada hari ini diberkati dan ada titipan memento yang boleh dikutip untuk santapan minda.

LANGKAH AWAL SEBAGAI MENTERI KPT

4. Dalam tempoh hampir dua bulan saya sebagai Menteri KPT, banyak perkara yang telah dilalui termasuklah pejumpaan dengan semua VC IPTA, IPTS, Politeknik, jabatan-jabatan, agensi di bawah KPT dan beberapa kumpulan yang berkaitan KPT.
5. Mengadakan beberapa lawatan rasmi dan tidak rasmi ke IPTA seperti UPSI, UMS, UITM, UTEM, UIA dan UM.

Manakala lawatan ke IPTS ialah di UCSI. Lawatan ke Politeknik di Merlimau, Melaka dan Kolej Komuniti di Jasin, Melaka.

6. Insya-Allah selepas ini akan lebih banyak lawatan rasmi atau tidak rasmi ke seluruh IPT dalam negara untuk bertemu warga kampus.
7. Selain itu, beberapa lawatan ke luar negara bertemu pelajar Malaysia termasuklah ketika di Mesir dan juga di London.
8. Ini belum termasuk lawatan yang dilakukan oleh Timbalan Menteri ke beberapa IPTA, Politeknik dan juga Kolej Komuniti.
9. Yang terkini telah diadakan pertemuan dengan diplomat kedutaan luar negara di Malaysia yang berlangsung semalam. Hampir 71 orang Duta dan Pesuruhjaya Tinggi yang hadir buat julung kali diadakan 'engagement' seperti ini. Satu permulaan yang baik untuk kita terus mempromosikan pendidikan tinggi negara di peringkat antarabangsa.

AMANAT DAN HALA TUJU KPT 2024

10. Peringkat awal, telah diadakan Wacana Strategi KPT, yang menghimpunkan barisan pengurusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pimpinan Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta, politeknik dan kolej komuniti serta wakil-wakil industri pada 5 Januari 2024 yang turut dihadiri oleh YAB Perdana Menteri.

11. Seterusnya seminggu selepas itu diadakan Amanat Tahun Baru pada 12 Januari 2024 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya.
12. Menggariskan 5 fokus utama merangkumi 20 landasan untuk KPT menghadapi tahun 2024.
13. Lima (5) fokus utama iaitu:
 - i. **Pertama, Penyediaan Bakat Terbaik Negara;**
 - ii. **Kedua, Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi;**
 - iii. **Ketiga, Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu;**
 - iv. **Keempat, Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan**
 - v. **Kelima, Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.**
14. Pelaksanaan kesemua fokus ini melibatkan keseluruhan ekosistem dalam KPT dan bukan kepada IPT semata-mata.
15. Perlu keterlibatan warga KPT sendiri di setiap jabatan, agensi dalam KPT, warga IPT dan juga rakan strategik KPT sendiri termasuk industri serta kementerian dan agensi kerajaan yang lain.

BUDAYA KERJA 'I' KEPADA 'WE'

16. Ubah budaya kerja 'work in silo' dan menganjak mentaliti "I" kepada "We".
17. Kita di KPT sebenarnya menggalas bebanan tanggungjawab berat terhadap masyarakat. Justeru, tanggungjawab bersama ini harus dilunaskan dan

dituntaskan menerusi gerak kerja berpasukan dengan prinsip “collaboration”, “coordination” dan “cooperation”.

18. Tidak kira siapa anda, sama ada pengurusan tertinggi, para pensyarah, kakitangan bukan akademik, staf sokongan, para pelajar, ibu bapa, alumni dan rakan-rakan strategik pendidikan tinggi negara, sahutlah suara ini. Suara untuk bergerak sebagai satu pasukan dan berdasarkan kepada collaboration, coordination, dan cooperation.
19. Hakikatnya, kerja berpasukan dalam suatu ekosistem penyampaian perkhidmatan menerusi Kementerian ini menuntut kebersamaan dan kesatuan pemikiran, kesatuan hati dan kesatuan tindakan, sebagaimana diungkap oleh pemikir dan failasuf Malek Bennabi, ketika mana beliau melihat bagaimana sebuah kualiti sesebuah masyarakat itu dapat mampu menggerakkan satu perubahan secara bersama. “The human group acquires the quality of society when it starts moving, that is to say, when it begins changing itself in order to achieve its goals. This event coincides, in the historical perspective, with the moment when civilizational emerges”.

PERANCANGAN PROGRAM 2024

20. Program yang dirancang seperti :
 - i. Korpus ilmu;
 - ii. Nurturing young leaders;
 - iii. Memantapkan AKEPT sebagai “center of excellence” dan
 - iv. Menganjurkan Festival of Ideas

21. Mengadakan Jerayawara Kampus Madani ke seluruh negara, IPTA, sebahagian IPTS, Politeknik, dan juga Kolej Komuniti.
22. Jerayawara program menyantuni, mengenalpasti dan mendekati warga kampus.
23. Kerjasama merentasi kementerian dan agensi (seperti KPT-MITI, KPT-KPM, KPT-KSM dan KPT dengan industri lain) bagi menyelesaikan isu-isu seperti kebolehpasaran graduan, isu kebajikan mahasiswa dan isu masyarakat yang tidak mahu sambung belajar.

KPT PUSAT MEMBUDAYA ILMU, MEMPERSADA KECEMERLANGAN

24. Di KPT, kecemerlangan bukan suatu pilihan tetapi ialah suatu kemestian Saya ingin supaya kita membina kemenjadian tradisi keintelektualan di universiti, politeknik, dan kolej komuniti. Namun tradisi itu juga perlu ditambah di peringkat kementerian.
25. Saya mahu supaya seluruh jentera pentadbiran merangkumi bahagian, jabatan dan agensi, serta institusi pendidikan tinggi untuk melazimi budaya ilmu dan budaya wacana.
26. Memetik kata-kata Jeff Bezos, pengasas dan CEO Amazon.com: ***“There are two ways to extend a business. Take inventory of what you're good at and extend out from your skills. Or determine what your customers***

need and work backward, even if it requires learning new skills”.

27. Jika kita terlalu selesa dengan *status-quo* dan berpuas hati dengan tahap sedia ada, saya bimbang usaha kita memartabat pendidikan tinggi negara hanya sekadar mencurahkan air ke daun keladi. Bak kata-kata Jack Welch: ***“If the rate of change on the outside exceeds the rate of change on the inside, the end is near”.***
28. Semua warga KPT perlu menerapkan konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam jiwa dan tingkatkan pemikiran, minda serta nilai-nilai murni melalui bahan-bahan bacaan berkualiti.
29. Dalam konteks ini, saya ingin melontarkan satu cadangan kepada Pengurusan KPT yang mungkin boleh dipertimbangkan untuk kebajikan warga KPT. Di kementerian ini, kita bertanggungjawab memberi pendidikan tinggi kepada rakyat Malaysia. Warga KPT juga adalah sebahagian daripadanya.
30. Saya berpandangan sebagai warga kerja KPT, alangkah rugi sekiranya tidak ada apa-apa nilai tambah selain daripada pengalaman yang diperolehi oleh warga semasa berkhidmat di kementerian ini. Jika mereka masuk ke KPT dengan segulung diploma, KPT dapat membantu daripada segi pembangunan peribadi mereka jika mereka dapat merangkul kelayakan yang lebih tinggi semasa berada di KPT.
31. Saya fikir boleh diatitkan program pembangunan khusus kepada warga KPT dengan kerjasama universiti-universiti

kita. Ada pelbagai kaedah yang boleh dilakukan tanpa perlu mereka meninggalkan tugas hakiki mereka di KPT. Misalnya melalui kaedah alternatif yang lebih fleksibel seperti kursus *Microcredential*, APEL dan sebagainya. Saya serahkan kepada budi bicara dan kebijaksanaan pengurusan tertinggi KPT untuk mempertimbangkan cadangan tersebut.

PELUNCURAN PORTAL PUSAT SUMBER KPT

32. Hamka pernah berpesan: **“Membaca buku-buku yang baik bererti memberi makanan rohani yang baik.”** Analoginya, rohani yang lapar ini perlu disaji dengan makanan berkhasiat iaitu bahan bacaan berkualiti, bukan hanya pada masa tertentu, tetapi dijadikan sebagai satu amalan apabila ada sahaja masa senggang. Jika tidak, rohani yang lapar ini akan diisi dengan kandungan yang tidak berfaedah di media sosial. Inilah “makanan ringan” yang akan merosakkan minda kita kerana otak tidak dilatih untuk bersintesis secara aktif melalui proses pembacaan.
33. Saya juga teringat kata-kata seorang penulis tersohor Amerika iaitu Ray Bradbury: **“*You don’t have to burn books to destroy a culture. Just get people to stop reading them*”**. Dalam erti kata lain, tidak perlu menghancurkan buku untuk meruntuhkan peradaban, sebaliknya hanya perlu memastikan orang berhenti membaca, maka akan runtuhlah segala-galanya.
34. Sesungguhnya membaca merupakan mekanisme untuk meningkatkan profesionalisme dan menambah pengetahuan dalam pelbagai cabang ilmu. Sikap suka

membaca ialah satu amalan mulia dan seharusnya dijadikan budaya seumur hidup.

35. Dalam usaha Kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan pendidikan tinggi kepada rakyat melalui KPT, warga KPT juga tidak seharusnya meminggirkan kepentingan ilmu dalam kehidupan seharian. Melalui pembacaan serta keterlibatan kita dalam apa jua aktiviti berkaitan pembacaan, kita juga telah menjadikan diri kita sebagai insan yang mempunyai minda dan pemikiran yang jauh ke depan.
36. Saya difahamkan pada hari ini, sebentar lagi kita akan menyaksikan **peluncuran Portal Pusat Sumber KPT** yang telah dibangunkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan melalui Pusat Sumber KPT. Portal ini dibangunkan untuk mempertingkatkan kemahiran warga KPT sebagai pekerja yang bermaklumat (*knowledge workers*) sekaligus menyemarakkan literasi membaca dalam kalangan warga KPT.
37. Sebagai contoh, warga KPT daripada bidang akademik serta bukan akademik, dari semasa ke semasa amat memerlukan maklumat serta penyelidikan baharu mengenai teras serta dasar Pendidikan Tinggi serta kajian-kajian pendidikan yang terkini. Dengan adanya portal ini, capaian maklumat dapat diakses dengan lebih mudah dan cepat.
38. Inisiatif ini adalah sejajar dengan Dekad Membaca Kebangsaan bertujuan untuk membentuk masyarakat berilmu bertaraf dunia dengan fokus membaca untuk pengetahuan dan pembudayaan amalan membaca.

39. Saya juga berharap Pusat Sumber dapat mempelbagaikan bahan bacaan dan memperbanyakkan bahan bacaan ilmiah berkualiti tinggi khususnya yang berkaitan dengan pendidikan tinggi tanpa meninggalkan juzuk ilmu yang lain.
40. Pada masa yang sama, saya dimaklumkan bahawa Pusat Sumber juga giat berusaha untuk memperbanyakkan lagi aktiviti pembudayaan ilmu khusus untuk warga KPT. Setiap tahun, pelbagai aktiviti telah dirancang seperti **JOM BACA@KPT**, Program **Library To You (LIBRARY2U)**, **#WORLD QURAN HOUR**, Sambutan Sempena Dekad Bahasa Kebangsaan serta Bulan Bahasa Kebangsaan, Anugerah Pembaca Aktif Bulanan dan Tahunan.

PENUTUP

41. Terima kasih dan tahniah kepada BKP dan jawatankuasa penganjur majlis pada hari ini.
42. Gunakan sepenuhnya pengalaman dan pendedahan yang diperoleh di kementerian ini untuk menjana sebanyak mungkin ilmu dan kemahiran sebagai nilai tambah dalam diri masing-masing.
43. Ingatlah bahawa KPT adalah “***the brain of nation***” dan semuanya bermula dari sini iaitu dari KPT dan saya mahukan KPT menjadi tonggak kepada penyampaian dan pencapaian aspirasi negara.
44. Mari gemilangkan wibawa pendidikan tinggi negara dengan semangat kerja berpasukan dan prestasi kerja yang

cemerlang. Insha Allah, lebih banyak kejayaan bakal kita capai selepas ini.

45. **Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Portal Pusat Sumber KPT.**

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh.